



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 28 April 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Kempen Turun Harga seluruh rangkaian Bataras di Sabah

Oleh JOHN TAMBANAN

PAPAR: Program Kempen Turun Harga @ Bataras yang dianjurkan oleh Bataras Sdn. Bhd. antara citra komitmen sebahagian pemain industri dalam membantu meringankan beban sara hidup rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Bataras merupakan syarikat tempatan yang telah mula bertapak sejak tahun 1998 dengan pengoperasian sejumlah 58 rangkaian cawangan Pasar Raya Bataras seluruh Sabah termasuk di Papar.

"Menerusi kempen ini, para pengguna berpeluang membeli sejumlah barangan keperluan pada harga lebih rendah sekali gus membantu meringankan perbelanjaan harian rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program Kempen Turun Harga @ Bataras, di Bataras Hypermarket, Papar, pada Ahad.

Turut hadir Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbahu, Datuk Juil Nuatim



PELANCARAN Armizan diiringi Juil, Pengiran Saifuddin serta jemputan lain menyempurnakan majlis pelancaran Program Kempen Turun Harga @ Bataras di Bataras Hypermarket, Papar.

dan Pengerusi Sabah Urban Development Corporation Sdn Bhd (SUDC) yang juga ADUN Pantai Manis, Pengiran Saifuddin Pengiran Tahir Petra.

Kempen ini berlangsung bermula 15 April hingga 30 Jun 2026 melibatkan semua cawangan Pasar Raya Bataras di negeri ini.

Ini akan melibatkan penawaran diskaun barangan terpilih antara 3 hingga 70 peratus lebih murah berbanding harga asal bagi 9,000 item barangan.

Armizan berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) amat mengalu-alukan pelaksanaan kempen ini sebagai antara ikhtiar bersama dalam membantu meringankan kos perbelanjaan barangan keperluan rakyat, lebih-lebih lagi dalam situasi krisis bekalan global susulan konflik Asia Barat yang masih berlarutan.

"Usaha murni ini wajar diperluaskan dan dicontohi oleh lebih ramai pemain industri termasuk subsektor peruncitan lain sebagai mani-

festasi tanggungjawab bersama dalam memelihara kesejahteraan rakyat.

"Pelaksanaan Kempen Turun Harga @ Bataras ini merupakan ikhtiar yang bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menggerakkan agenda kebersamaan semua pihak melalui pendekatan seluruh negara (whole-of nation) dalam menangani isu kos sara hidup yang merupakan antara cabaran global," katanya, yang juga Ahli Parlimen Papar.

KUMPUL DIESEL SECARA HARAM

Tiga lelaki tidak mengaku bersalah

Johor Bahru: Tiga lelaki termasuk dua warga Indonesia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyimpan 12,789 liter diesel tanpa kebenaran di Taman Mount Austin di sini, minggu lalu.

Tertuduh, Lee Kok Chek, 45, Hendrik Dwi Setyawan, 38, dan Maulana Bachrudin, 28, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menyimpan barang kawalan iaitu minyak diesel sebanyak 12,789 liter di dalam tangki tanpa *prime mover* dan sebanyak 89 liter di dalam tangki IBC yang tidak dibenarkan oleh Pengawal Bekalan.

Ketiga-tiga tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis di Jalan Mutiara Emas 7/4, Taman Mount Austin di sini, jam 4.09 pagi pada 23 April lalu.

Mereka didakwa di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, semua tertuduh boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara dalam tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Nur Sulehan Abd Rahman manakala Kok Chek diwakili peguam Mohamad Azrulsani Othman.

Terdahulu, Nur Sulehan menawarkan jaminan RM100,000 buat Kok Chek manakala tiada jaminan buat kedua-dua tertuduh warga asing yang tidak diwakili peguam itu memandangkan risiko melarikan diri kerana tiada sebarang dokumen diri yang sah.

Lelaki tempatan bersama
2 warga asing berdepan
hukuman denda RM1 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU - Tiga lelaki termasuk dua warga Indonesia mengaku tidak bersalah menyimpan diesel tanpa kebenaran di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Tertuduh, Lee Kok Chek, 45; Hendrik Dwi Setyawan, 38, dan Maulana Bachrudin, 28, didakwa menyimpan barang kawalan iaitu diesel sebanyak 12,789 liter dalam tangki tanpa penggerak utama serta 89 liter di dalam tangki IBC tanpa kebenaran pengawal bekalan.

Ketiga-tiga mereka didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah premis di Jalan Mutiara Emas 7/4, Taman Mount Austin jam 4.09 pagi pada 23 April lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(2) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan

3 lelaki didakwa simpan lebih 12,000 liter diesel

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Nur Sulehan Abd Rahman manakala Kok Chek diwakili peguam, Mohamad Azrulsani Othman sementara dua lagi tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM100,000 terhadap Kok Chek manakala tiada jaminan ditawarkan kepada kedua-dua tertuduh warga asing memandangkan berisiko melarikan diri kerana tiada sebarang dokumen pengenalan diri sah.

Bagaimanapun, pihak pembelaan memohon jaminan anak guamnya dikurangkan memandangkan lelaki itu hanya bekerja menguruskan kebun ubi dengan pendapatan RM2,000 sebulan.

Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim membenarkan Kok Chek diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin manakala dua lagi tertuduh warga asing dihantar ke Pusat Koreksional Johor Bahru.



Kok Chek (kanan) bersama Hendrik (dua dari kiri) dan Maulana (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan KPDN menahan tiga lelaki termasuk dua warga asing disyaki menyalahgunakan kemudahan

kad armada (*fleet card*) bagi mengumpul diesel secara haram.

Dalam operasi itu, lapan keping kad armada dipercayai digunakan suspek untuk mengisi diesel secara berulang dirampas.



KPDN officers inspect the lorry during the operation. — KPDN Sarawak photo

KPDN foils diesel misappropriation attempt, seizes lorry in Kuching

KUCHING; The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has foiled another attempt to misappropriate diesel during an operation here on Sunday.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the operation was carried out at Mile 8 Jalan Kuching-Serian and Jalan Moyan at around 6.40pm,

involving enforcement officers from KPDN and the Road Transport Department (JPJ).

"During the operation, the team discovered a suspicious-looking trailer and, upon inspection, found 500 litres of diesel worth RM1,075 stored in a modified steel container," he said in a statement.

He said both the lorry and

diesel were confiscated, bringing the total seizure value to RM11,075.

Also seized as evidence were two fuel purchase receipts, he added.

The lorry driver, a man in his 20s, was detained to assist in the case, which is being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961.

Cubaan penyelewengan 600-700 liter diesel berjaya dipatahkan

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sarawak berjaya mematahkan cubaan penyelewengan diesel dianggarkan antara 600 hingga 700 liter dalam Ops Tiris 4.0.

Operasi yang diketuai Pengarah KPDN Sarawak Mathew Dominic bersama Ketua Seksyen Operasi JPJ Negeri Sarawak Saifullah Ali itu dilaksanakan kelmarin di dua lokasi utama iaitu Jalan Tun Salahuddin (tol) dan Jalan Kuching-Serian (Batu 8).

"Hasil daripada pemeriksaan mendapati sebuah lori yang telah diubah suai untuk membawa muatan diesel dianggarkan antara 600 hingga 700 liter berjaya dikesan dan disita untuk tindakan lanjut KPDN.

"Dalam operasi sama, pihak



SIASAT: Anggota KPDN Sarawak dan JPJ Negeri Sarawak berjaya mengesan lori yang diubah suai membawa muatan diesel bagi tujuan penyelewengan.

— Gambar JPJ Negeri Sarawak

JPJ turut menahan dan menyita sebuah lori jenis luton atas kesalahan Lesen Kenderaan Motor (LKM) tamat tempoh dan tiada perlindungan insurans," kata JPJ Sarawak menerusi satu kenyataan semalam.

JPJ Negeri Sarawak dalam

pada itu menegaskan pelaksanaan operasi itu mencerminkan komitmen dan kerjasama strategik antara agensi dalam membanteras aktiviti penyelewengan serta memastikan undang-undang sentiasa dipatuhi.

私存逾1萬公升柴油被控 3男不認罪603過堂

(新山27日讯)一名本地男子与两名印尼籍男子被控涉嫌非法储存1万2789公升柴油,3人对控状表示不认罪,案件定于6月3日过堂以提呈化学报告。

控状指45岁的华裔被告李国泽(译音)、38岁的亨德烈及28岁的茂兰纳于4月23日凌晨约4时09分,在位于新山茂奥斯汀的一个单位内,在未获得供应管制官员的批准下,涉嫌在未连接车头的油槽车和IBC吨桶内,分别非法藏匿1万2789公升及89公升的管制品(柴油),抵触1961年供应管制法令第20(1)条文,并可

在第22(2)条文及刑事法典第34条下同读。

在相关条文下被定罪,可被判罚款最高100万令吉、或监禁不超过3年、或两者兼施。

本案主控官柔佛州国内贸易及生活费局(KPDN)副检察官诺苏雷汉向法官仄万再迪建议让华裔被告以10万令吉保释,并且以两名印尼籍被告没有合法证件,有潜逃风险为由建议法官不允许两人保释。

本地男1万保外

被告李国泽的代表律师为莫哈末阿兹鲁萨尼在求情



时表示,被告是1名木薯园管理员,月薪为2000令吉,请求法官减少被告的保释金。

法官最终决定让华裔被告以1万令吉保释金和1名担保人的条件保外候审,2名外籍被告则被羁押在新山改

造中心。

据早前新闻报道,柔佛州国内贸易及生活费局逮捕3名涉嫌滥用柴油补贴卡非法储存柴油的男子,并起获8张相信被用来多次购买柴油的补贴卡。

被告李国泽(右二)、亨德烈(左二起)和茂兰纳周一(27日)早上被带上新山地庭面控。(在场者提供)

關丹加德士柴油耗盡 料502恢復供應

(关丹27日讯) 目前关丹所有加德士品牌添油站的柴油库存已全面告罄，预计最快将于5月2日才会陆续恢复供应。

彭州消费人事务与人力资源委员会主席沈春祥今日说，这归咎于各站点的月度供应配额已达上限。

他透过文告说，此情况不仅发生在关丹，几乎整个彭亨州的加德士添油站均已用尽当月配额。

用尽当月配额

他披露，根据供应安排，下一批柴油库存预计最早将于5月2日开始陆续补充，燃油供应来自英达岛雪佛龙终点站。目前尚未获得额外配额批准。

沈春祥指出，柴油短缺已对部分用户群体造成直接影响，尤其是持有柴油补贴卡的用户，由于受限于指定品牌，暂时无法在其他油站加油。

他透露，随着库存耗尽，油站业者被迫暂停柴油销售，预计短期内将对物流运输及部分行业运作带来不便。

针对当前情况，他表示，石油公司正积极向政府申请增加配额，并计划于4月28日与国内贸易及生活费部布城总部展开讨论，以寻求解决方案。

沈春祥强调，州政府将持续监督市场情况，并确保所有业者严格遵守有关受管制商品的法律与规定，特别是补贴燃油RON95的供应管理，以防止任何形式的滥用或走私活动。



■加德士的柴油配额已达到上限，目前关丹市区的加德士油站已没有柴油供应。

他说，彭亨州国内贸易及生活费部将继续加强执法与监控，确保市场秩序稳定及人民利益受到保障。

根据关丹某家加德士油站的员工披露，早在3至4天前，市内的柴油供应已经售罄，目前仅能够等待供应恢复。(TSI)

அனுமதியின்றி டீசல் சேமிப்பு இந்தோனேசியர்கள் உட்பட மூவர் நீதிமன்றத்தில் ஆஜர்



● கிருஷ்ணன் ராஜு

ஜோகூர்பாரு, ஏப். 28-
அனுமதியின்றி பெருமளவில்

டீசல் சேமித்ததாகக் கூறப்படும்
வழக்கில் இந்தோனேசியர்கள் இருவர்
உட்பட மூவர் நேற்று ஜோகூர்பாரு
செஷன்ஸ் நீதிமன்றத்தில்

குற்றச்சாட்டை எதிர்கொண்டனர்.

லீ கோக் சேக் (வயது 45),
ஹென்றி திவி செத்யாவான் (வயது
38), மௌலானா பாச்ருடன் (வயது
28) ஆகிய இருவரும் தங்கள் மீது
கூறப்பட்ட குற்றச்சாட்டுகளை
மறுத்து விசாரணை கோரினர்.

குற்றப்பத்திரிகையின் படி, கடந்த
ஏப்ரல் 23ஆம் தேதி அதிகாலை
ஜாலான் முத்தியாரா எமாஸ் 7/4,
தாமான் மவுண்ட் ஆஸ்டின் பகுதியில்
உள்ள ஒரு வளாகத்தில் மொத்தம்
12,878 லிட்டர் டீசலை அதிகாரிகளின்
அனுமதி இன்றி சேமித்ததாக குற்றம்
சாட்டப்பட்டுள்ளது.

குற்றம் நிரூபிக்கப்பட்டால்
அதிகபட்சம் 1 மில்லியன் ரிங்கிட்
அபராதம் அல்லது மூன்று ஆண்டுகள்
சிறைத்தண்டனை அல்லது இரண்டும்
விதிக்கப்படலாம்.

நீதிமன்றம் லீ கோக் சேக்கிற்கு
10,000 ரிங்கிட் ஜாமீன் அனுமதித்து
விடுதலை செய்தது. மற்ற இரண்டு
வெளிநாட்டவர்களுக்கு ஜாமீன்
மறுக்கப்பட்டு காவலில் வைக்க
உத்தரவிடப்பட்டது. வழக்கின்
அடுத்த விசாரணை ஜூன் 3ஆம் தேதி
நடைபெறும்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Wujudkan badan khas kawal selia khidmat badal haji

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran mewujudkan mekanisme pelesenan khas bagi perkhidmatan badal haji yang diletakkan di bawah seliaan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAHWAR) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam usaha membanteras penipuan berkaitan ibadat itu yang semakin membimbangkan.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata langkah mewujudkan satu sistem pendaftaran khusus adalah langkah wajar bagi memastikan masyarakat tidak terus diperdaya individu atau agensi pelancongan tidak bertanggungjawab.

"Bagi mengatasi isu ini dan ditangani secara tuntas, saya melihat kita memerlukan pendekatan holistik, pertama mewujudkan mekanisme pelesenan khas.

"Buat masa ini kita ada pelesenan untuk agensi umrah dan haji, tetapi badal haji masih berada dalam *grey area*.

"Saya menyarankan agar satu sistem pendaftaran atau akreditasi khas diwujudkan di bawah seliaan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

"Mana-mana individu atau agensi yang ingin menawarkan badal haji wajib berdaftar dan mempamerkan nombor rujukan sah," katanya kepada *BH*.

Mohd Na'im turut mencadang-

kan supaya kerajaan menetapkan harga siling yang munasabah bagi upah badal haji.

Katanya, disebabkan tiada penetapan kadar upah badal haji, ada agensi pelancongan dikesan menawarkan khidmat sedemikian serendah RM300 hingga RM500.

"Kos permit haji bagi penduduk tetap atau warga Arab Saudi yang melaksanakan badal itu sendiri sudah mencecah ribuan ringgit, sebab itu perlu satu garis panduan harga minimum yang munasabah agar rakyat tidak mudah terpedaya dengan harga 'lelong' seperti diiklankan.

"Saya juga menggesa supaya agensi pelancongan yang menawarkan badal haji menyediakan bukti digital, bukan sijil yang dicetak tanpa pengesahan.

"Agensi sepatutnya diwajibkan menyediakan bukti digital, seperti rakaman video pendek niat ihram dan nama waris yang dibadalkan di lokasi masyair.

"Mekanisme penjejakan ini boleh diselaraskan melalui aplikasi untuk memastikan seorang pengupah haji hanya melakukan satu badal bagi satu musim haji," katanya yang turut mengingatkan umat Islam supaya berhati-hati dengan 'skim cepat haji' dan bertindak melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan rangkaian penipuan dapat diputuskan.

'Lonjakan harga minyak dunia tak semestinya tingkat hasil'

HARGA minyak global ditentukan oleh faktor antara-bangsa yang di luar kawalan tempatan dan tidak semestinya membawa kepada peningkatan hasil negeri, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Masidi Manjun (gambar).



"Kadang-kadang kita fikir bila harga minyak naik, hasil kita akan meningkat, tetapi itu tidak benar kerana banyak elemen lain yang menentukan dan mempengaruhi pulangan yang kita terima," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Junz Wong (Warisan-Tanjung Aru).

Masidi, yang juga Menteri Kewangan Negeri, berkata antara faktor utama ialah pengeluaran minyak yang boleh merosot atau terjejas akibat sekatan eksport ketika konflik antarabangsa seperti peperangan, sekali gus mengurangkan jumlah minyak di pasaran dunia.

Beliau berkata kadar pertukaran mata wang turut memberi kesan besar, apabila pengukuhan ringgit boleh menjadi "pedang dua mata" yang mengurangkan kos import tetapi menurunkan hasil minyak apabila ditukar daripada dolar Amerika Syarikat.

Menjawab soalan tambahan Wong

sama ada Sabah boleh mendapatkan pengecualian daripada kenaikan harga bahan api, Masidi berkata perkara itu boleh dibincangkan dalam rundingan akan datang.

Terdahulu, menjawab soalan asal Wong, Pembantu Menteri Kewangan Datuk Ishak Ayub berkata konflik di Asia Barat sejak awal Mac telah menyumbang kepada kenaikan ketara harga minyak dunia.

Beliau berkata berdasarkan data Pentadbiran Maklumat Tenaga Amerika Syarikat, harga purata minyak mentah Brent meningkat daripada US\$71 setong pada Februari kepada US\$103 pada Mac, iaitu kenaikan sekitar 45.5 peratus.

"Sehingga Jumaat (24 April), harga Brent berada pada US\$106 setong ketika penutupan pasaran," katanya.

Namun, beliau berkata peningkatan itu tidak diterjemahkan sepenuhnya kepada hasil negeri yang lebih tinggi berikutan pengukuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat pada kadar RM3.97 pada tarikh sama.

Beliau berkata di bawah Seksyen 14 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, bayaran Cukai Jualan Negeri (SST) bagi tempoh bercukai Mac dan April tahun ini dijangka diterima masing-masing pada 28 April dan 28 Mei, dan kesan sebenar kepada hasil hanya dapat diketahui

selepas penerimaan bayaran.

"Berdasarkan unjuran awal menggunakan andaian semasa termasuk volum jualan, harga minyak, kadar pertukaran dan kadar cukai lima peratus, kutipan SST daripada Petronas dan anak syarikatnya bagi Mac hingga April dianggarkan RM96.5 juta," katanya.

Beliau berkata angka itu menunjukkan peningkatan sekitar RM8.9 juta atau 23 peratus sebulan berbanding Februari, namun masih tertakluk kepada perubahan pasaran.

Ishak berkata walaupun harga minyak meningkat mendadak, pertambahan hasil negeri adalah lebih sederhana kerana pendapatan cukai bergantung bukan sahaja kepada harga, tetapi juga kadar pertukaran, tahap pengeluaran dan keadaan pasaran.

Beliau menambah pasaran minyak global kekal tidak menentu dan unjuran tersebut hanya bersifat awal. - Ricardo Unto



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 APRIL 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Apr	Tiga lelaki termasuk dua warga Indonesia didakwa simpan 12,789 liter diesel	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1350962/tiga-lelaki-termasuk-dua-warga-indonesia-didakwa-simpan-12789-liter-diesel	HARIAN METRO
28-Apr	Dua warga Indonesia antara tiga individu dituduh simpan diesel tanpa kebenaran	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2026/04/1538784/2-dua-warga-indonesia-antara-3-individu-dituduh-simpan-diesel	BERITA HARIAN
28-Apr	Tiga individu tidak mengaku salah simpan diesel	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/tiga-individu-tidak-mengaku-salah-simpan-diesel/	RTM
28-Apr	Tiga termasuk dua warga Indonesia didakwa simpan diesel tanpa kebenaran	https://malaysiagazette.com/2026/04/27/3-termasuk-2-warga-indonesia-didakwa-simpan-diesel	MALAYSIA GAZETTE
28-Apr	Tiga individu mengaku tidak salah simpan diesel tanpa kebenaran	https://www.kosmo.com.my/2026/04/27/3-individu-mengaku-tak-salah-simpan-diesel	KOSMO
28-Apr	Ops Tiris 4.0 berjaya dilaksanakan di Kuching	https://utusan.com.my/ops-tiris-4-0-berjaya	UTUSAN SARAWAK
28-Apr	Stesen minyak Malaysia disiasat selepas kereta Singapura isi RON95	https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysian-petrol-station-under-probe-after-spore-registered-car-caught-pumping-ron95-petrol	NST
28-Apr	Supermarket didenda kesalahan tanda harga di Labuan	https://www.dailyexpress.com.my/news/280366/supermarket-fined-for-price-tag-violation-in-labuan	DAILY EXPRESS

28-Apr	Permohonan SKDS Sabah Sarawak Labuan dibuka 4 Mei	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/27/skds-requests-open-for-sabah-swak-and-labuan-on-may-4	THE STAR
28-Apr	Prospek sektor peruncitan lebih berhati-hati	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2026/04/27/retail-outlook-turns-cautious	THE STAR
28-Apr	500 liter diesel dirampas, KPDN perhebat operasi bersepadu	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1351140/500-liter-diesel-dirampas-kpdn-	HARIAN METRO
28-Apr	500 liter diesel dirampas, KPDN perhebat operasi bersepadu	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1351140/500-liter-diesel-dirampas-kpdn-perhebat-ops-bersepadu	HARIAN METRO
28-Apr	Cubaan seleweng 600 hingga 700 liter diesel dipatahkan	https://www.utusanborneo.com.my/2026/04/27/cubaan-penyelewengan-600-700-liter-diesel-berjaya-	UTUSAN BORNEO
28-Apr	KPDN gagalkan cubaan seleweng diesel, lori disita di Kuching	https://www.theborneopost.com/2026/04/27/kpdn-foils-diesel-misappropriation-attempt-seizes-lorry-in-kuching/	THE BORNEO POST
28-Apr	Melaka mohon permit diesel pukal untuk nelayan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/melaka-mohon-permit-diesel-pukal-untuk-nelayan/	RTM

28-Apr	Kerajaan Melaka beri jaminan pastikan bekalan stabil	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1538912/ketidaktentuan-global-kerajaan-melaka-beri-jaminan-pastikan-	BERITA HARIAN
28-Apr	Kenaikan harga minyak tidak jamin hasil lebih tinggi	https://www.dailyexpress.com.my/news/280392/oil-price-surge-doesn-t-guarantee-higher-	DAILY EXPRESS
28-Apr	3男非法储存逾1万公升柴油不认罪 案件6月3日过堂	https://johor.sinchew.com.my/news/20260427/	SIN CHEW